

# Kesesuaian Kaedah *Usuliyyat al-Lughawiyyat* sebagai Kaedah Analisis Data

## [Suitability of The *Usuliyyat al-Lughawiyyat* Method as a Data Analysis Method]

**BITARA**

Volume 5, Issue 4, 2022: 071-084

© The Author(s) 2022

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 29 Jun 2022

Accepted: 29 October 2022

Published: 11 November 2022

Kasimah Kamaruddin<sup>1</sup> & Shahirah Said<sup>2</sup>

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: kasimah@unisza.edu.my

2 Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. Kampus Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang, MALAYSIA. E-mail: shahirahsaid@gmail.com

\* Corresponding Author: kasimah@unisza.edu.my

### Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kesesuaian kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah analisis data. Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* merupakan kaedah yang digunakan oleh ulama dalam menganalisis teks al-Quran dan Hadis. Kepentingan menguasai ilmu kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* ini adalah untuk menghindari daripada kesalahan mentafsir ayat al-Quran. Persoalannya, apakah aspek-aspek kesesuaian kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah analisis data? Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek-aspek kesesuaian kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah analisis data. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan merujuk kitab-kitab dan kajian lepas dalam bidang usul fiqh dan seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek kesesuaian kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah analisis data iaitu aspek epistemologi, *tasawwur* dan alat analisis. Akhirnya, kajian ini memberi sumbangan dalam kaedah analisis data penyelidikan berteraskan Islam.

**Kata kunci:** Kaedah *Usuliyyat al-lughawiyyat*, kaedah analisis data.

### Abstract

This paper aims to analyse the suitability of the *usuliyyat al-lughawiyyat* method as a data analysis method. The *Usuliyyat al-lughawiyyat* method is a method used by scholars in analysing the text of the Quran and Hadith. The importance of mastering the knowledge of the method of *usuliyyat al-lughawiyyat* is to avoid mistakes in interpreting the verses of the Qur'an. The question is, what are the appropriate aspects of the *usuliyyat al-lughawiyyat* method as a data analysis method? The objective of this study is to identify the appropriate aspects of the *usuliyyat al-lughawiyyat* method as a data analysis method. This study uses a qualitative method by referring to books and previous studies in the field of usul fiqh and then the data is analysed using the content analysis method. The results of the study show that there are three aspects of the suitability of the *usuliyyat al-lughawiyyat* method as a data analysis method, namely epistemological aspects, *tasawwur* and analysis tools. Finally, this study contributes to the method of data analysis of research based on Islam.

**Keywords:** *Usuliyyat al-lughawiyyat* method, data analysis method.

**Cite This Article:**

Kasimah Kamaruddin & Shahirah Said. (2022). Kesesuaian Kaedah Usuliyyat al-Lughawiyyat sebagai Kaedah Analisis Data [Suitability of The Usuliyyat al-Lughawiyyat Method as a Data Analysis Method]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 071-084.

## Pengenalan

### Kaedah *Usuliyyat al-Lughawiyyat*

Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam kaedah istinbat hukum iaitu pendekatan kaedah *lafziiyat* (lafaz) atau *usuliyyat al-lughawiyyat* (kebahasaan) dan *ma'nawiyat* (makna) (Abidin, 2018: 300). Pendekatan pertama ialah menggunakan kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* (Zaydan, 1976:15; Ibn Badis, 1988:51; ‘Abd al-Karim Hamidi, 2008:9) atau kaedah *lafziiyat* (al-Kabisiy, 1975:287). Pendekatan melalui kaedah kebahasaan ini meliputi sebahagian besar ilmu *usul al-fiqh*. Hal ini adalah wajar disebabkan, dalam pengistinbatan hukum daripada suatu sumber yang berbahasa Arab diperlukan kajian yang mendalam berkaitan kebahasaan yang mendalam dan menyeluruh (Abidin, 2018:300).

Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* (kebahasaan) ini merupakan kaedah penggunaan mencari pendalilan dan pengambilan hukum terhadap makna atau pengertian daripada lafaz-lafaz nas serta kedudukannya. Menurut Zaydan (1976:277); al-Zuhayliy (1986:202); dan Badran, (t.t.: 409-410), Mazhab Ahnaf membahagikan kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* kepada empat bentuk. Pertama, *al-lafz bi i'tibar wada'ihi li al-ma'na* (lafaz yang di ambil kira dari sudut kedudukannya pada makna); Kedua, *al-lafz bi i'tibar isti'mal al-lafz fi al-ma'na* (lafaz yang di ambil kira dari sudut penggunaannya pada makna); Ketiga, *al-lafz bi i'tibar dilalat al-lafz 'ala al-ma'na* (lafaz yang di ambil kira dari sudut petunjuk pada makna); dan keempat, *kayfiyyat dilalat al-lafz 'ala al-ma'na* (lafaz yang diambil kira dari sudut kaedah petunjuk lafaz pada makna).

Pendekatan kedua ialah dari sudut pendekatan *ma'nawiyat*. Kaedah ini yang digunakan untuk membuat kesimpulan hukum bukan berdasarkan nas secara langsung seperti ijmak, qias, *istihsan*, *masalih al-mursalat*, *istishab* dan sebagainya (Abidin, 2018:302). Semua elemen ini memberi kesan yang besar dalam mengistinbatkan hukum-hukum daripada nas-nas al-Qur'an dan juga Hadith ('Abd al-Karim Hamidi, 2008:9). Kedua-dua pendekatan kaedah istinbat inilah yang digunakan oleh ulama dalam mengeluarkan dan membuat kesimpulan bagi hukum yang terdapat dalam al-Qur'an.

### Kaedah Analisis Data

Sesuatu data tidak akan memberikan sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji sekiranya tidak dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu (Mohd Majid Konting, 1990: 309). Analisis data kualitatif perlu dilakukan secara sistematik. Walau bagaimanapun, pengkaji mungkin mempunyai cara menganalisis data yang berbeza. Sebenarnya tidak ada satu kaedah menganalisis data kualitatif yang diterima sebulat suara oleh

semua penyelidik. Kaedah inilah yang mengakibatkan hasil kajian kualitatif sering dipertikai kesahan dan kebolehpercayaannya (Chua, 2006: 47).

Terdapat tujuh jenis kaedah analisis data kualitatif yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif iaitu analisis kandungan, analisis tema, analisis naratif, analisis wacana dan analisis semiotik (Liamputpong, 2009:469; Babbie & Rubin, 2014:460, Sekaran & Bougie, 2013:302), analisis tekstual dan analisis hermeneutik (Chua, 2006:47-49). Kaedah analisis kandungan merujuk kepada kandungan teks seperti perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa-apa sahaja yang telah dikomunikasikan (Creswell, 2009). Terdapat beberapa langkah dalam menjalankan analisis kandungan iaitu; pertama, membentuk kategori sebelum mencarinya dalam data. Kedua, memilih sampel yang perlu dikategorikan; dan ketiga, merekod secara sistematis atau mengira bilangan kategori tersebut ditemui (Silverman, 2001).

Seterusnya, menurut Grbich (2007:16), analisis tema ialah satu proses pengkategorian dan penghubung kepada aspek data utama dengan pentafsiran yang terakhir. Bagi Matthews dan Ross (2008:373) pula, analisis tema ialah satu proses berkaitan dengan data mentah untuk mengenal pasti dan menganalisis idea-idea dan tema-tema utama. Berbeza pula analisis naratif digunakan untuk menganalisis cerita peserta kajian dan kemudian diceritakan semula dalam satu rangka yang mudah difahami oleh pembaca (Gibbs, 2007:63). Analisis wacana pula ialah proses menganalisis suatu teks sama ada yang berbentuk ucapan atau bertulis dalam apa juu bentuk penyampaian. Malah analisis wacana boleh diaplikasikan dalam bentuk perbualan, surat, e-mel, program televisyen, dokumen, arkib dan sebagainya (Matthews dan Ross, 2007:391). Berbeza dengan analisis semiotik adalah kajian mengenai simbol, sistem simbol dan maknanya (Grbich, 2007:170) atau kajian sains simbol (Babbie, 2016: 385).

Bagi analisis tekstual pula merupakan satu proses membuat tekaan yang secara akademik terhadap sebahagian daripada sebahagian besar tafsiran yang boleh dibuat kepada mana-mana teks. Teks tersebut terdiri daripada filem, program televisyen, iklan, surat khabar, majalah dan sebagainya (McKee, 2003:1). Adapun bagi kaedah analisis hermeneutik mengutamakan maksud teks daripada responden bukan melihat maksud teks tersebut secara objektif. Penguraian data berdasarkan hermeneutikal merupakan satu cara menjelaskan, memberi maksud kepada suatu objek di bawah sesuatu kajian yang dilakukan. Objek tersebut mestilah suatu teks atau teks analog yang mengelirukan, tidak lengkap dan kurang jelas. Oleh itu, penguraian data kajian bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada teks yang mengelirukan (Chua, 2006:49)

## **Sorotan Literatur**

### **Epistemologi Islam**

Epistemologi merupakan tunjang ataupun asas bagi sesuatu ilmu. Hal ini amat penting untuk memastikan hasil penyelidikan adalah selari dengan Islam. Asas Islam inilah yang perlu dijadikan kerangka dalam KPBI. Setiap penyelidik mempunyai epistemologi yang tersendiri yang mempengaruhi cara dan kaedah penyelidikan. Epistemologi yang berbeza menghasilkan penyelidikan yang berbeza (Noor Hisyam Md Nawi dan Burhan Che Daud, 2018:15).

Epistemologi lazimnya merujuk kepada kajian tentang sumber, pengelasan, pengkhususan dan batasan bagi ilmu (*Encyclopedia Britannica*, 2006). Menurut Mohd Yusof Ahmad (2007:44) dan Riyanto (2011:413), epistemologi merupakan teori yang membincangkan tentang asal usul dan cara memperoleh ilmu pengetahuan, pengelasan ilmu pengetahuan dan hubungannya dengan pengalaman manusia. Mohammad Adib (2014:74-75), berpendapat, epistemologi merupakan falsafah ilmu yang membincangkan hakikat, makna, kandungan sumber dan proses perjalanan ilmu. Malah menurut Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2012:79), perbincangan bidang ilmu ini adalah berkaitan dengan prinsip falsafah ilmu, metodologi falsafah ilmu, bidang falsafah ilmu dan strategi falsafah ilmu. Berbeza dengan Abdul Rahman Abdullah (2010), yang melihat perbahasan epistemologi itu adalah berkaitan masalah sumber pengetahuan dan juga dan masalah kebenaran dan kesahihan pengetahuan.

Berdasarkan pengertian epistemologi ini, dapat difahami bahawa epistemologi merupakan suatu bidang ilmu yang membahaskan secara terperinci setiap proses yang terlibat dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan daripada sumber-sumber yang tertentu. Sumber-sumber tersebut terdiri daripada al-Qur'an, Hadith, ijmak dan qias. Maka setiap proses tersebut perlu dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam supaya ilmu pengetahuan tersebut dapat dikuasai dari akar umbi. Kesimpulannya, ruang lingkup epistemologi adalah meliputi pelbagai aspek ilmu pengetahuan, tetapi kajian ini hanya menumpukan kepada aspek sumber ilmu pengetahuan sahaja yang berkaitan kaedah istinbat hukum.

Dalam Islam, wahyu adalah sumber ilmu yang paling asas dan tertinggi, manakala ilmu pengetahuan merupakan alat untuk mencapai kebenaran (Ghazali Basri, 1990:19). Oleh itu, sekiranya diukur dari aspek fungsi untuk mencapai kebenaran, wahyu menduduki kedudukan yang tertinggi berbanding sumber-sumber pengetahuan yang lain (Ramlie Awang, 2003:29). Wahyu juga pada dasarnya merupakan kerangka asas kepada sumber-sumber ilmu lain dalam mencapai ilmu pengetahuan (Amini Amir Abdullah, 1997:27). Epistemologi dalam Islam mengutamakan tahap ilmu yang lebih tinggi untuk disepadukan dengan ilmu *nazari*. Ilmu tahap tinggi yang dimaksudkan ialah wahyu dan ilham atau dirujuk sebagai ilmu *daruri*. Kesepadan ilmu *daruri* dan *nazari* inilah yang membentuk sifat unik epistemologi dalam Islam dan juga perkaedah penyelidikan berteraskan Islam (Fadzila Azni Ahmad, 2016:55-56).

Epistemologi merupakan tunjang ataupun asas bagi sesuatu ilmu. Hal ini amat penting untuk memastikan hasil penyelidikan adalah selari dengan Islam. Asas Islam inilah yang perlu dijadikan kerangka dalam KPBI. Setiap penyelidik mempunyai epistemologi yang tersendiri yang mempengaruhi cara dan kaedah penyelidikan. Epistemologi yang berbeza menghasilkan penyelidikan yang berbeza (Noor Hisyam Md Nawi dan Burhan Che Daud, 2018:15).

## Tasawur Islam

Menurut Ibn Manzur (1994:473) *tasawur* bermaksud memberikan tanggapan terhadap rupa sesuatu yang dapat digambarkan. Ia juga membawa maksud menjelaskan gambaran sebenar terhadap sesuatu (al-Qasimiyy, 1989:755). Walau bagaimanapun, gambaran atau pandangan yang dirujuk dalam tasawur Islam tidak hanya terhad kepada pengalaman ilmu semata-mata. Secara lebih terperinci, tasawur Islam diertikan sebagai gambaran sebenar dan hakiki tentang Islam secara keseluruhan berkaitan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh sehingga ia sebatی dalam diri seseorang (Haron Din, 1992:3; Ramlie Awang, 2002 & Muhammad

Syukri Salleh, 2003:21). Berbeza dengan Mohd Kamal Hassan (1993) pula mendefinisikan tasawur Islam sebagai pengertian komprehensif mengenai alam semesta dan hubungan manusia dengannya daripada perspektif Islam dan pengertian tersebut seterusnya menjadi asas kepada pandangan hidup seseorang. Dalam KPBI, tasawur Islam seharusnya dijadikan asas atau acuan kepada pembentukan KPBI (Muhammad Syukri Salleh, 2003:21). Oleh sebab ia merupakan acuan kepada KPBI haruslah juga menuruti tasawur Islam itu sendiri (Fadzila Azni Ahmad, 2016:45). Muhammad Syukri Salleh (2003:22) dan Mohd Shukri Hanapi (2014:14) telah mengemukakan tiga elemen asas tasawur Islam. Elemen-elemen asas tersebut ialah pertama; Allah SWT sebagai Pencipta, kedua; manusia sebagai makhluk; dan ketiga; sumber alam juga sebagai makhluk.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian analisis dokumen kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* yang merupakan salah satu cabang daripada ilmu *usul al-fiqh*. Data-data yang dikumpul terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer dikumpul melalui kitab-kitab turath *usul al-fiqh* yang terkemuka dan data sekunder adalah daripada kitab-kitab *usul al-fiqh* dan kajian-kajian lepas berkaitan kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat*. Kesemua data-data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen.

## Hasil Dapatkan dan Perbincangan

### Epistemologi Kaedah *Usuliyyat al-Lughawiyyat* dalam Ilmu *Usul al-Fiqh*

Terdapat dua sumber epistemologi dalam membincangkan berkaitan epistemologi kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* dalam ilmu *usul al-fiqh*.

## Sumber Utama

Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* dalam ilmu *usul al-fiqh* adalah bersumberkan sumber ilmu yang disepakati dan tidak disepakati. Dalil-dalil yang disepakati terdiri daripada al-Qur'an, Hadith, ijmak dan qias. al-Qur'an merupakan sumber rujukan utama bagi setiap hukum. Sekiranya dalam al-Qur'an tidak didapati hukum tersebut, maka fuqaha akan merujuk kepada Hadith. Hal ini disebabkan Hadith merupakan penjelasan kepada al-Qur'an. Jika tidak terdapat dalil dalam Hadith, maka akan dirujuk kepada ijmak, dan seterusnya qias. Para ulama sepakat menyatakan bahawa, tertib dalil yang perlu dirujuk dalam mengistinbat hukum ialah al-Qur'an, Hadith, ijmak dan qias. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak terdapat hukum daripada dalil yang telah disepakati, maka ulama merujuk kepada sumber ilmu yang tidak disepakati terdiri daripada *istihsan*, *masalih al-mursalat*, *istishab*, dan '*urf* (Zaydan, 1996:145-271). Oleh itu, perbincangan seterusnya adalah berkaitan sumber hukum yang utama iaitu aal-Qur'an, Hadith, ijmak, qias, *istihsan*, *masalih al-mursalat*, *istishab*, dan '*urf*.

Pertama, al-Qur'an adalah lafaz Bahasa Arab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail. al-Qur'an merupakan mukjizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dan dipindahkan kepada umatnya secara mutawatir, ditulis dalam mashaf serta dikira beribadat apabila membacanya dimulai dengan *al-fatihah* dan diakhiri dengan surah *al-Nas* (Subhi al-Salih, 1973; Manna' Qattan, t.t: 66; al-Zuhayliy, 1989:421; al-Suyutiy, 1951:26; al-Subkiy, t.t:109). Ulama bersepakat menyatakan bahawa al-Qur'an adalah sumber utama Islam. Kehujahan dan juga kekuatan nilai al-Qur'an adalah mutlak dan bersifat *qat'i*, malah penggunaan al-Qur'an sebagai sumber utama hukum tidak memerlukan bukti, alasan dan juga keterangan (Khallafl, 1978:37; al-Zuhayliy, 1989:441). Oleh itu, jelas bahawa al-Qur'an merupakan sumber rujukan utama dalam Islam. Tidak ada sebarang pertikaian tentang kesahihan kandungan hukum dalam al-Qur'an. Setiap permasalahan dan isu yang berkaitan Islam, maka penyelesaiannya adalah dengan merujuk kepada sumber utama iaitu al-Qur'an.

Kedua, Hadith. Menurut al-Khatib (1981:17), Hadith ialah perkara yang lahir daripada Nabi Muhammad SAW selain daripada al-Qur'an sama ada berbentuk ucapan, perbuatan, sifat dan pengakuan. Segala perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW dari segi perbuatan, perkataan, sifat dan tingkah laku, perjalanan hidup, pengakuan ketika sebelum dibangkitkan menjadi Rasul atau selepas Baginda dibangkitkan. Menurut al-'Amidiy (1937: 241), Hadith juga merupakan segala sesuatu yang bersumberkan dari Nabi Muhammad SAW selain daripada al-Qur'an baik perkataan, perbuatan atau perakuan yang dapat dijadikan sebagai dasar penetapan sesuatu hukum syarak. Menurut al-Syawkaniy (1992:33) pula, segala sesuatu yang telah ditetapkan oleh Nabi Muhammad SAW yang berhubung erat dengan hukum-hukum atau ketetapan Allah yang telah disyariatkan kepada manusia. Ia terdiri daripada ibadat-ibadat sunat daripada Nabi Muhammad SAW, bukannya perkara fardu dan wajib.

Ketiga, ijmak ialah kesepakatan semua mujtahid dari umat Muhammad SAW dalam suatu masa terhadap hukum syarak setelah beliau wafat (al-'Amidiy, 1980:101; al-Ghazaliy, t.t:110; al-Zuhayliy, 1989:490; Zaydan, 1996:179) terhadap suatu masalah (al-Syawkaniy, 1992: 71). Ijmak terbahagi kepada dua jenis iaitu ijmak *sarih* dan ijmak *sukutiy* (Zaydan, 1996:183). Ijmak *sarih* ialah semua mujtahid mengemukakan pendapat mereka masing-masing, lalu salah satu pendapat mereka disepakati bersama (al-Zuhayliy, 1989:551; Zaydan, 1996:183). Ijmak *sukutiy* pula ialah ketetapan hukum sebahagian mujtahid tentang sesuatu kes yang diketahui oleh para mujtahid lain tanpa berkata sesuatu yang menyebabkan tidak jelas ketetapan tersebut sama ada diterima atau ditolak (al-Zuhayliy, 1989:552; Zaydan, 1996:183). Jumhur ulama berpendapat bahawa ijmak *sarih* dapat dijadikan hujah dan wajib diamalkan oleh semua kaum Muslimin mukalaf (al-Syawkaniy, 1992: 65; al-'Amidiy, 1937:103; al-Ghazaliy, t.t: 111).

Keempat, qias ialah memasukkan sesuatu yang dimaklumi ke dalam hukum sesuatu yang dimaklumi lantaran adanya kesamaan '*illat* hukum menurut pandangan mujtahid (al-Syawkaniy, 1992:198; al-Zuhayliy, 1989:602). al-'Amidiy (1937:105) pula berpendapat qias ialah satu bentuk kesamaan antara *furu'* dan asal dalam '*illat* yang digali dari asal. Dari pelbagai definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa qias ialah sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam nas tetapi '*illat* hukumnya adalah sama.

Kelima, *istihsan*. Menurut al-Bazdawiy (1995:407), *istihsan* ialah berpindah dari sesuatu hukum yang telah diberikan kepada seumpamanya kepada hukum yang lain disebabkan

adanya sesuatu sebab yang lebih kuat atau lebih baik. Menurut al-'Amidiy (1937: 209) pula, *istihsan* ialah meninggalkan *qiyas jaliy* dan menggunakan *qiyas khafiy* atau mengecualikan masalah yang bersifat *juz'i* daripada masalah yang bersifat *kulliy* kerana terdapat dalil yang lebih kuat menurut pandangan mujtahid. Terdapat beberapa jenis *istihsan* iaitu pertama *istihsan* dengan *nas*; kedua, *istihsan* dengan *ijmak*; ketiga, *istihsan* dengan '*urf*'; keempat, *istihsan* dengan keadaan darurat; kelima, *istihsan* dengan *maslahat*; dan keenam, *istihsan* dengan *qias khafiy*. Majoriti ulama berpegang bahawa *istihsan* boleh dijadikan hujah sebagai salah satu dalil hukum.

Keenam, *maslahat*. Menurut al-Ghazaliy (t.t:139) dan al-Raziy (t.t:434), *maslahat* adalah suatu perbuatan yang bermanfaat yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada hambaNya untuk memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda mereka. Selain itu, menurut al-Syatibiy (t.t:39) dan al-Zuhayliy (1989:757), *maslahat* adalah memelihara tujuan syarak dengan cara menolak sesuatu yang dapat merosakkan makhluk. Daripada definisi tersebut, dapat difahami bahawa tujuan *masalih al-mursalat* adalah menolak kemudarat dan meraih kemaslahatan. Jumhur ulama menerima *maslahat* sebagai sumber hukum berdasarkan beberapa hujah iaitu semua hukum berdasarkan al-Qur'an, Sunnah, ijmak dan al-qias adalah mengandungi *maslahat* atau menjaga kepentingan hukum. Kemaslahatan manusia sentiasa berubah sekiranya pembinaan hukum dibatasi terhadap *maslahah-maslahah* tertentu yang berpandukan dalil syarak, sudah tentu banyak kemaslahatan manusia dan hukum sentiasa berubah mengikut masa dan tempat tidak dapat dilaksanakan (Abu Zahrat, t.t.222).

Ketujuh, *Istishab*. *Istishab* ialah menetapkan berlakunya hukum yang telah ada atau meniadakan segala perkara yang tidak ada dalil yang menyebabkan berlakunya ketetapan hukum tersebut (Ibn Qayyim, t.t:339). Maka *istishab* ialah menetapkan sesuatu berdasarkan keadaan yang sudah berlaku sebelumnya, sehingga wujud ketetapan hukum lain yang mengubahnya. Hal ini disebabkan *istishab* merupakan jalan keluar yang terakhir dalam berfatwa kerana seorang mufti jika ditanya tentang sesuatu masalah, maka mufti diharuskan untuk memberikan keputusan dengan menggunakan al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan qias. Jika tidak ditemui dalil-dalil tersebut maka mufti tersebut dibenarkan menggunakan dalil *istishab* sama ada dalam meniadakan atau menetapkan sesuatu hukum (Abu Zahrat, t.t. 296; al-Zarkasyiy, 2008:327). Kelapan, '*urf*' merupakan ialah perkara yang menjadi kebiasaan sekumpulan manusia seta diikuti oleh orang lain sama ada melalui percakapan atau amalan (Khalid Ramadan Hasan, 1998:182). Selain itu, '*urf*' merupakan sesuatu perkataan atau perbuatan dilakukan secara berterusan oleh orang ramai dan tidak bercanggah dengan akal waras (al-Zuhayliy, 1986:829). Antara syarat-syarat '*urf*' ialah diamalkan secara berterusan dan meluas, ada kaitan dengan perlaksanaan bukan dilakukan secara tiba-tiba, tidak menyalahi dalil syarak dan kaedah asas, dan diamalkan oleh orang ramai (Abu Zahrat, t.t; 216-217). '*Urf*' dianggap sebagai satu hujah jika tidak menyalahi dalil dan hukum syarak yang tetap dan tidak berubah walaupun suasana dan adat berubah. Oleh itu, mana-mana '*urf*' yang menyalahi hukum syarak, maka hendaklah ditinggalkan dan dihapuskan (al-Zuhayliy, 1986:831).

## Sumber Kedua

Selain sumber-sumber utama, kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* juga bersumberkan tiga ilmu asas iaitu ilmu tauhid, ilmu bahasa Arab dan ilmu *syari'at* (Jalaluddin 'Abd al-Rahman,

2005:70; ‘Ali Jum‘at Muhammad, 2006:23; Muhammad Fu’ad Muhammad Suwariy, 2009:15). Pertama, Ilmu tauhid merupakan pemahaman terhadap dalil-dalil syarak sama ada dari al-Qur'an atau Hadith. Terdapat dalil umum yang berhajat untuk mengenal Allah SWT, zat, sifat dan perbuatannya serta mengenal kebenaran risalah Rasulullah SAW (‘Ali Jum‘at Muhammad, 2006:23; Jalaluddin ‘Abd Rahman, 2005:70). Ilmu tauhid merupakan usul bagi ilmu-ilmu yang lain, dan ilmu-ilmu yang lain merupakan cabang daripada ilmu tauhid. Hukum mempelajari ilmu tauhid adalah fardu ‘ain bagi setiap mukalaf lelaki mahupun perempuan (Ahmad Tarmizi Taha & Hasalnudin Mohamad, 2003:22-23).

Kedua, Ilmu Bahasa Arab merupakan ilmu yang paling penting kerana untuk memahami al-Qur'an dan al-Sunnah perlu kepada pengetahuan ilmu Bahasa Arab. Hal ini disebabkan, penjelasan tentang ilmu yang ada dalam al-Qur'an tidak boleh difahami oleh orang yang tidak memahami bahasa Arab yang terdiri dari pelbagai bentuk serta pelbagai persamaan makna dan perbezaannya (al-Syafi‘iy, 2008:156-157). al-Qur'an diturunkan dalam Bahasa Arab dan Rasulullah SAW adalah bangsa Arab dan bercakap Bahasa Arab. Setiap dalil syarak yang dalamnya terdapat dalil yang umum daripada al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan qias semuanya lafaz dalam bahasa Arab sama ada berbentuk *amr, nahi, hakikat, majaz, ‘am, khas, mutlaq* dan sebagainya. (Jalaluddin ‘Abd Rahman, 2005:70; ‘Ali Jum‘at Muhammad, 2006:23; Muhammad Fu’ad Muhammad Suwariy, 2009:15). Selain itu, perlu juga memahami secara terperinci ibarat dalam Bahasa Arab serta pengertiannya, menguasai gaya bahasa yang menggunakan *ta‘bir* (ungkapan) hakiki pada keadaan tertentu dan menggunakan *ta‘bir majaz* (kiasan) pada keadaan yang lain dan mengerti maksud utama dari tiap-tiap ungkapan bahasa yang dipakainya (Abu Zahrat, 2010:166).

Ketiga, ilmu syariat (hukum syarak) adalah berhasil daripada ilmu usul. Ilmu *usul al-fiqh* adalah asasnya, manakala ilmu fiqh merupakan cabang ilmu *usul al-fiqh*. Tujuan mempelajari ilmu *usul al-fiqh* adalah untuk menetap atau menafikan hukum syarak yang berkaitan perbuatan mukalaf seperti kaerah *al-amr li al-ijab wa al-nahy li al-tahrim*. Maka seharusnya ulama fiqh tidak boleh menetapkan dan menafikan sesuatu hukum tanpa mengetahui ilmu *usul al-fiqh* (Jalaluddin ‘Abd Rahman, 2005:70; ‘Ali Jum‘at Muhammad, 2006:23; dan Muhammad Fu’ad Muhammad Suwari, 2009:15). Setelah membincangkan epistemologi kaerah *usuliyyat al-lughawiyyat* yang terdiri daripada sumber utama dan kedua, maka didapati bahawa epistemologi kaerah *usuliyyat al-lughawiyyat* bertepatan dengan epistemologi kaerah penyelidikan berteraskan Islam yang meletakkan al-Qur'an dan Hadith sebagai sumber utama dalam sebuah penyelidikan. Maka epistemologi inilah yang merupakan titik perbezaan utama antara epistemologi ilmu Islam dan Barat.


## **Tasawur Kaerah *usuliyyat al-lughawiyyat* dalam Ilmu *Usul al-Fiqh***

Berdasarkan penelitian penyelidik, terdapat tiga elemen penting yang dikenal pasti daripada pembentukan tasawur kaerah *usuliyyat al-lughawiyyat* ini. Pertama, keutamaan terhadap unsur tauhid. Tauhid merupakan elemen konsep penyelidikan berteraskan Islam yang paling utama. Kaerah *usuliyyat al-lughawiyyat* digunakan untuk menganalisis sesuatu hukum berdasarkan kaerah-kaerah yang telah ditetapkan oleh ulama. Ia berkait rapat dengan kaerah penganalisisan ayat-ayat al-Qur'an yang merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibrail yang wajib bagi setiap orang Islam percaya dan beriman

dengannya. Malah kandungan hukum yang terdapat dalam al-Qur'an dibahagikan kepada tiga iaitu hukum berkaitan akidah, amali dan akhlak. Maka jelas di sini ilmu kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* berkait rapat dengan menganalisis hukum-hukum berkaitan akidah, amali dan akhlak.

Menurut Mat Rofa Ismail (2006:183-185), tauhid ialah pegangan Rukun Iman yang pertama dan Rukun Islam yang pertama dijadikan paksi dalam kehidupan seseorang penyelidik Muslim dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Kesepaduan antara al-Qur'an dengan alam semesta dijadikan sebagai sumber ilmu dalam sesbuah penyelidikan. Asasnya sumber utama dalam penyelidikan berteraskan Islam ialah wahyu dan *sunnat Allah*. Seterusnya Noor Shakirah Ismail (2008) berpendapat dalam penyelidikan yang berasaskan tasawur Islam, akidah tauhid ialah paksi kepada semua aspeknya seperti permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan metodologi kajian. Kedua, menyatupadukan dalil *naqli* dan '*aqli* dalam penyelidikan. Ilmu *usul al-fiqh* merupakan asas yang membolehkan ulama-ulama fiqh mengistinbat hukum-hukum syarak daripada dalil-dalilnya secara terperinci. Kelebihannya menyamai kelebihan ilmu fiqh bahkan lebih daripada itu. Ilmu ini merupakan antara ilmu syarak yang berbentuk *naqli* dan '*aqli* yang menggunakan dalil akal fikiran dalam memahaminya, serta dalil-dalil *naqli* dalam mengetahui Bahasa Arab yang merupakan salah satu daripada sumber ilmu ini. Menurut Abdul Rahman Abdullah (2005:32), kesepaduan inilah yang membezakan antara kaedah Islam dengan kaedah lazim yang dihasilkan oleh Barat. Sifat ilmu pengetahuan dalam Islam bukan sahaja mengambil kira elemen-elemen fizikal dan material yang mampu diketahui oleh akal dan pancaindera sahaja, tetapi juga mengambil kira elemen-elemen yang bersifat kerohanian atau alam ghaib yang dapat ditanggapi secara nyata. Bahkan dalam Islam, perkara-perkara yang bersumberkan ilmu wahyu bersifat mutlak dari segi kesempurnaan, ketetapannya dan kebenarannya.

Ketiga, bermatlamat mencapai kebenaran yang hakiki. Wahyu merupakan sumber kebenaran mutlak yang tiada keraguan padanya. Oleh yang demikian, setiap proses yang melibatkan sumber yang benar akan menghasilkan daptan kajian yang benar dan tepat (Abdul Hanis Embong, 2016:59). Malah, apabila menganalisis data-data yang berkaitan Islam dan orang Islam dengan menggunakan kaedah *usuliyat al-lughawiyyat*, maka hasilnya bertepatan dengan kehendak syariat Islam. Secara umumnya, dapat diketahui proses analisis data mempunyai beberapa elemen. Setiap elemen mempunyai langkah-langkah tertentu dalam menganalisis maklumat yang telah ada. Khusus dalam KPBI, kaedah penganalisisan data juga turut digunakan sama ada pada kajian yang berbentuk kualitatif ataupun kuantitatif. Kebanyakan kajian keIslamam menggunakan kaedah analisis kandungan secara manual terhadap penulisan dan percakapan (Abd Hanis Embong, 2017:343). Maka dengan adanya kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* ini, pengkaji-pengkaji dapat menganalisis sesuatu lafaz dan seterusnya menghasilkan makna daripada sesuatu teks berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama sekian lama. Justeru, aspek kesesuaian kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* perlu diambil kira dalam menganalisis sesuatu lafaz sepetimana ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Aspek Kesesuaian Kaedah *Usuliyat al-Lughawiyyat* sebagai Kaedah Analisis Data

Rajah 1.1 menunjukkan aspek kesesuaian kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* sebagai kaedah analisis data iaitu pertama, sumber epistemologi; kedua, tasawur; ketiga, alat analisis. Ulama terdahulu telah meletakkan suatu kaedah atau panduan untuk menganalisis lafaz-lafaz tersebut dalam mengistinbatkan sesuatu hukum. Kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* inilah yang diaplikasikan untuk menganalisis lafaz bagi sesuatu makna teks daripada data kualitatif. Terdapat empat bentuk dalam kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* yang sesuai digunakan untuk menganalisis data-data kualitatif. Dalam kajian ini, penyelidik melihat kesesuaian kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* yang merupakan salah satu kaedah dari kaedah-kaedah ilmu *usul al-fiqh* yang boleh diaplikasikan sebagai kaedah analisis data penyelidikan berteraskan Islam. Selain bersumberkan epistemologi Islam, kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* juga menitikberatkan tasawur Islam.

Pertama, sumber epistemologi Islam. Kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* merupakan salah satu daripada kaedah ilmu-ilmu Islam yang telah diperkenalkan oleh ulama sebagai salah satu kaedah yang digunakan dalam mengeluarkan sesuatu hukum yang berkaitan ayat-ayat hukum dalam al-Qur'an. Bagi mengkaji ayat-ayat hukum dari sudut kebahasaan dan makna, maka kaedah analisis ayat tersebut dinamakan sebagai kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* (Zaydan, 1986). Sumber kaedah *usuliyat al-lughawiyyat* adalah berteraskan al-Qur'an dan Hadith sebagai tunjang asas (Ghazali Basri, 1990; Ramli Awang, 2003). Selain sumber ilmu yang disepakati terdapat juga ilmu-ilmu asas yang menjadi penguat kepada epistemologi kaedah istinbat iaitu ilmu akidah, syariah dan Bahasa Arab (Jalaluddin 'Abd al-Rahman, 2005:70; 'Ali

Jum'at Muhammad, 2006:23; Muhammad Fu'ad Muhammad Suwariy, 2009:15). Kajian-kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam seharusnya menggunakan kaedah-kaedah daripada ilmu Islam yang bersesuaian supaya kajian tersebut menepati kehendak syarak. Setiap kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam perlu berhujahkan dengan dalil yang kuat dari al-Qur'an mahupun Hadith. Hujah-hujah tersebut perlu dianalisis menggunakan kaedah yang bersesuaian seperti mana yang telah digariskan oleh ulama.

Kedua, tasawur Islam. Terdapat tiga elemen tasawur dalam kaedah penyelidikan yang dilihat bersesuaian iaitu berpaksikan akidah, menyatupadukan dalil *naqli* dan '*aqli* dalam perkaedah penyelidikan dan bermatlamat mencapai kebenaran yang hakiki (Abdul Hanis Embong, 2017). Ketiga-tiga elemen ini terdapat dalam kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat*. Apabila sesuatu kaedah analisis yang digunakan berpaksikan kepada akidah maka, sudah tentu seseorang penyelidik menganalisis sesuatu perkara dengan berlandaskan akidah yang benar tanpa membuat sebarang penyelewengan kepada fakta yang dianalisis. Berkaitan kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat*, kaedah ini berkait rapat dengan akidah, ibadah dan juga akhlak (al-Zuhayliy, 1998:438; Abd Latif Muda & Rosmawati Ali, 2012:23). Seterusnya kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* juga menyatupadukan ilmu *nazari* dalil *naqli* dan ilmu *daruri* dengan '*aqli* dalam perkaedah penyelidikan (Muhammad Syukri Salleh, 2008:136-137) dan (Mohd Syahmir Alias, 2016). Dalam kaedah penyelidikan buka sahaja memerlukan akal untuk menganalisis sesuatu data, malah perlu merujuk juga kepada dalil-dalil yang berbentuk *naqli* sebagai penguat kepada data tersebut. Terakhir, kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* yang digunakan dalam menganalisis data KPBI adalah bermatlamat mencapai kebenaran yang hakiki. Kebenaran yang hakiki penting dalam dapatan sesuatu analisis. Hal ini disebabkan dapatan atau hasil daripada kaedah analisis yang digunakan perlu tepat dan tidak menyeleweng. Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* yang diperkenalkan oleh ulama adalah bertujuan bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan atau salah faham dalam menganalisis sesuatu data terutamanya yang berkaitan al-Qur'an (Abu Zahrat, t.th).

Ketiga, alat analisis. Alat analisis yang bersesuaian perlu digunakan bagi mengkaji berkaitan Islam dan orang Islam. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2010:136-138), alat analisis tersebut perlulah holistik, mencapai matlamat dan sampai ke peringkat keyakinan yang tinggi iaitu *haqq al-yaqin*. Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* mempunyai prosedur yang sistematik dan holistik dengan berpandukan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama terdahulu berkaitan kaedah analisis sesuatu ayat hukum. Kaedah ini amat penting dijadikan garis panduan kepada setiap penyelidik untuk menganalisis sesuatu teks terutama yang berkaitan nas al-Qur'an (Abu Zahrat, t.t). Kaedah yang digariskan oleh ulama adalah lebih terperinci dengan menghuraikan dan menilai setiap lafaz dan makna yang terdapat dalam teks tersebut sama ada makna yang tersurat dan tersirat dalam teks. Selain itu, kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* mampu untuk menganalisis perkara-perkara yang zahir (*tangible*) dan ghaib (*intangible*) dalam kajian berkaitan Islam dan orang Islam. Penghuraian data yang mendalam memberikan kesan kepada hasil dapatan yang lebih terperinci dengan berlandaskan gabungan ilmu *daruri* dan dalil *aqli* dengan ilmu *nazari* dengan dalil *naqli* dalam perkaedahan teori-teori yang telah ditetapkan. Setiap data dianalisis dengan lebih mendalam menggunakan kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat*. Sesuatu kajian perlu menjawab setiap persoalan yang telah dikemukakan dalam kajian tersebut.

## Kesimpulan

Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* merupakan satu kaedah yang penting dalam menganalisis data. Hal ini kerana dengan menguasai ilmu ini, dapat menghindari daripada kesilapan mentafsir sesuatu data. Kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* dilihat bersesuaian dijadikan kaedah analisis sesuatu data disebabkan tiga aspek yang utama iaitu aspek epistemologi, tasawur dan alat analisis. Dengan menggunakan kaedah analisis yang tepat, maka akan menghasilkan satu kajian yang berkualiti berteraskan epistemologi dan tasawur Islam. Seterusnya, kajian tersebut mencapai tahap keyakinan yang tertinggi iaitu *haq al-yaqin*. Kajian ini memberi sumbangan yang besar dalam kaedah analisis data metodologi pengajian Islam bagi kajian-kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam.

## Rujukan

- Abdul Hanis Embong. (2017). Aplikasi kaedah tafsir dalam penyelidikan berteraskan Islam. Tesis Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Abdul Hanis Embong. (2018). Analisis data berdasarkan kaedah tafsir *tahlili, ijmalı, muqaran & mawdu'i*. *Nota Bengkel Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Kelantan.
- Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali@ Mat Zain. (2001). *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Wacana Falsafah Sains Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abidin. (2018). Metode istinbat dalam hukum Islam. *Bilancia*. 12(2). 297-319.
- Abu Zuhrat, Muhammad. (t.th). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Tarmizi Taha & Mohd Hasanuldin. (2003). *al-Jawahir*. Mesir: PMRAM.
- Babbie, E.R & Rubin, A. (2014). *Research methods for social work*. Cengage Learning.
- Badran, Abu Aynayn. (t.th). *Usul al-fiqh al-Islamiy*. Iskandariyah: Muassasah al-Risalah.
- al-Bazdawi, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Abd al-Karim bin Musa. (1995), *Usul al-Bazdawi*, Dicetak di tepi al-Bukhari.
- Chua, Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 2nd Ed. California: SAGE.
- Encyclopedia Britannica* (14th edition) (2006). Encyclopedia Britannica, Inc.
- Fadzila Azni Ahmad. (2016). Tasawur kaedah penyelidikan berteraskan Islam. dlm. *Mencari Metodologi Penelitian Islam*. Pusat Kajian Pembangunan Islami Universitas Jember dengan Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV).
- al-Ghazali, ‘Abd al-Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Juz 1. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- Grbich, C. (2007). *Qualitative data analysis: An introductions*. London:Sage.
- Haron Din. (1992). *Tasawur Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Jalal al-Din, ‘Abd al-Rahman. (2005). *Ghayat al-wusul ila daqaiq ‘ilm usul*. Universiti al-Azhar: Kaherah.

- al-Jurjani, al-Sharif ‘Ali Muhammad. (1988). *Kitab al-Ta‘rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Khallaf, ‘Abd Wahhab. (1978). *‘Ilm Usul al-Fiqh*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Louay Safi. (1998). *Asas-asas ilmu pengetahuan satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*. Selangor: Thinker Library.
- Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah sains pendekatan kualitatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthews & Ross. (2008). *Research methods: A practical guide for social science*. Pearson Education Limited.
- Mohammad Adib. (2014). *Filsafat ilmu: Ontologi, epistemologi, aksiologi, logika ilmu pengetahuan*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Mohd Fuad Mohd Suwari. (2009). *al-Madkhal ila dirasat usul al-fiqh al-Islamiy*. Selangor: IIUM PRESS.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). *Tasawur Islam dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syahmir Alias. (2016). Elemen Tunjang dalam Wacana dalam Penyelidikan Bebas Nilai: Analisis dari Perspektif Islam. dlm. *Mencari Metodologi Penelitian Islam*. Pusat Kajian Pembangunan Islami Universitas Jember dengan Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV).
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan (Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud. (2018). *Pengenalan kaedah penyelidikan Islam*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Ramli Awang. (1997). *Tasawwur Rabbani menurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Johor: Universiti Teknologi Mara.
- al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar bin al-Husayn (1992). *al-Mahsul fi ‘Ilm Usul al-Fiqh*. Cet 2, Beirut: Muassasah al-Risalat.
- Salih, Muhamamad Adib (1993). *Tafsir al-nusus fi al-fiqh al-Islamiy*. Jld 1. Beirut: Maktabah Islamiy.
- Sekaran, U. & Bougie RR. (2013). *Research methos of business a skill building approach*. United Kingdom: John Willey & Sons Ltd.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Rezqi Publication.
- al-Syafi’i, Muhammad bin Idris. (t.t). *al-Risalat*. Kairo: Mustafa Babiy al-Halabi.
- Syakirah Rifa‘in, Mat Taib Pa & Rosni Samah (2018). Gaya bahasa *al-Amr* dalam konteks Haji dalam Surah al-Baqarat. *GEMA online Journal of Language Studies*. 18(2). 235-254.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). Konsep Ilmu dalam Islam, terj Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). Epistemologi Islam dan tentang Pemikiran umat Islam. *Islamia*. 2(5). 51-74.

- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2012). *Falsafah ilmu dalam al-Qur'an Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi*. Johor:Universiti Teknologi Mara.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1976). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1996). *al-Madkhal li Dirasat al-Syari'at al-Islamiyyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2003). *Ijtihad baru fiqh: Titik tolak dan aliran-alirannya*. Terj Basri Ibrahim, Johor: Jahabersa.
- al-Zuhayli, Wahbat (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr.